



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 28 JANUARI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	TAK IMPORT PRODUK HAIWAN WUHAN, NASIONAL, BH -6	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
2.	920,000 TERJEJAS, LOKAL, HM -22	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
3.	LPP PERTIMBANG BANTUAN KHAS, NASIONAL, BH -13	
4.	PENGUSAHA TANAMAN KONTAN AKAN DIBANTU, NASIONAL, SH -11	

UKKMOA

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

Penularan coronavirus

Tak import produk haiwan Wuhan

Tiada laporan kes jangkitan virus ketika sentuh barang dari China

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia tidak mengimport sebarang produk haiwan dalam bentuk sejuk beku atau secara hidup dari wilayah Wuhan, China yang diisytiharkan sebagai pusat penyebaran coronavirus (2019-nCoV).

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam, menjelaskan

Eksklusif

kan negara hanya mengimport ketika ayam sejuk beku dari wilayah lain di China bagi menjamin bekalan semasa.

"Setakat ini tiada laporan kes yang menunjukkan penularan ketika menyentuh produk makanan, tetapi kita akan terus dapatkan pandangan pakar bagi mengenal pasti ciri sebenar coronavirus.

"Perlu difahami wabak ini adalah virus baharu. Wujud pelbagai perkara yang belum diketahui. Kita ambil langkah berjaga-jaga dengan sentiasa memeriksa kualiti produk import seperti daging.



Dr Quaza Nizamuddin

"Menerusi pemeriksaan, saringan dan maklumat bersandarkan analisis yang membuktikan mana-mana produk dijangkiti virus, kita akan keluarkan arahan supaya ia disekat daripada dibawa masuk ke Malaysia," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin

Ayub, semalam dilaporkan berkata tiada sekatan baharu dikenakan terhadap produk diimport dari China, melainkan daging babi dan produk berkaitan babi bagi mengekang penularan Demam Babi Atrika (ASF).

Selain limau mandarin yang dibawa masuk sebelum Tahun Baharu Cina, Malaysia mengimport anggur, epal dan pelbagai produk makanan laut dari China.

Susulan penularan coronavirus baru, Dr Quaza berkata, pihaknya sentiasa berhubung dengan Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE) untuk mendapatkan maklum balas dan perkembangan semasa mengenai potensi jangkitan berkenaan disebarkan menerusi produk ternakan.

"Laporan semasa menunjukkan jangkitan coronavirus adalah menerusi manusia, tidak membabit-

kan haiwan. Justeru, kita akan terusantau perkembangan semasa dan maklumkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQJS) jika perlu mengeluarkan arahan sekatan," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah MAQJS, Saiful Yazan Alwi, berkata pihaknya masih menunggu arahan melaksanakan sekatan terhadap produk berkaitan daripada tiga agensi, iaitu Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Jabatan Pertanian dan Jabatan Perikanan, susulan penularan coronavirus baru.

-MAQJS sebagai agensi penguat kuasa akan bertindak mengikut arahan tiga agensi terbabit yang mempunyai perincian, hasil analisis dan maklum balas kerana menggagotai pertubuhan antarabangsa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/1/2020	HARIAN METRO	LOKAL	22

LPP pertimbang bantuan peladang terkesan akibat kemarau

Oleh Adnan Ibrahim
cnews@nstp.com.my

Simpang Renggam

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) mempertimbangkan untuk memberi bantuan khas melalui peruntukan tabung bencana kepada pengusaha tanaman kontan berikutan keadaan panas berpanjangan yang melanda negara ketika ini sekiranya tanaman mereka terjejas.

Pengerusinya, Datuk Mazlan Aliman, berkata pada masa ini hanya pesawah sahaja menikmati bantuan khas itu sama ada akibat banjir mahupun kemarau.

Katanya, apa yang dilaku-



920,000 terjejas

“**LPP mencari kaedah lain untuk menangani masalah kemarau**”
Mazlan

KEMARAU menyebabkan ramai petani mengalami kerugian.

kan di utara tanah air ketika ini adalah menangguk proses tanaman padi apabila mendapati sebahagian bendang kering namun dipertimbangkan adalah pembenihan jika memerlukan.

“Pihak kami juga mencari kaedah lain untuk menangani masalah kemarau yang menjejaskan 920,000 ahli peladang di seluruh negara

kerana masih ramai lagi menggunakan kaedah tradisional ketika mereka mengusahakan tanaman.

“Bagaimanapun, semua pam serta tali air akan diselenggarakan dengan sebaiknya dengan harapan ia dapat menyelesaikan masalah dihadapi ahli Peladang,” katanya.

Mazlan berkata demikian kepada media selepas merasmikan Kedai Imput Per-

tanian Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di Simpang Renggam, semalam.

Turut hadir Pengurus Besar PPK, Eddie Ismail dan Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPK Simpang Renggam, Md Judyar Malik.

Pada majlis itu, 69 ahli PPK Simpang Renggam menerima bantuan bencana banjir selepas terkesan akibat bencana itu, baru-baru ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/1/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	13



Mazlan (empat dari kiri) melihat baja yang dijual di Kedai Input Pertanian Pertubuhan Peladang Kawasan di Simpang Renggam, semalam. (Foto Adnan Ibrahim/BH)

LPP pertimbang bantuan khas

Kluang: Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sedang mempertimbangkan untuk memberi bantuan khas kepada pengusaha tanaman kontan berikutan musim panas dan kering yang sedang melanda negara sekarang ini.

Pengerusinya, Datuk Mazlan Aliman, berkata ketika ini bayaran bantuan khas itu hanya dilaksanakan kepada pesawah terutamanya yang terjejas akibat akibat banjir atau kemarau.

Katanya, apa yang dilakukan di utara tanah air, ketika ini menanggung proses tanaman padi apabila mendapati sebahagian bendang kering, tetapi dipertimbangkan dengan mencadangkan kerajaan negeri melakukan pem-

benihan awan.

"LPP sedang mencari kaedah lain untuk menangani masalah kemarau boleh menjejaskan kira-kira 920,000 ahlinya di seluruh negara kerana masih ramai menggunakan kaedah tradisional mengusahakan tanaman.

"Bagaimanapun, semua pam dan tali air mampu membantu mengatasi masalah kemarau ini akan diselenggarakan dengan sebaiknya. Kita berharap sedikit sebanyak dapat menyelesaikan masalah ahli peladang," katanya.

Mazlan berkata demikian selepas merasmikan Kedai Input Pertanian Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di Simpang Renggam, di sini semalam.

Yang turut hadir, Pengurus Besar PPK, Eddie Ismail dan Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPK Simpang Renggam, Md Judyar Malik.

Pada majlis itu, seramai 69 ahli PPK Simpang Renggam menerima bantuan bencana banjir sebagai usaha menangani mengurangkan beban selepas terkesan akibat bencana itu baru-baru ini.

Mazlan berkata, pihaknya akan memperluaskan skop yayasan milik Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dalam aspek kebajikan berbanding sebelum ini hanya memfokuskan kepada pendidikan untuk ahlinya dan keluarga.



Kebanyakan petani yang melaksanakan tanaman kontan di negara ini masih menggunakan kaedah lama yang bergantung harap kepada sumber air secara manual. • Gambar hiasan

Pengusaha tanaman kontan akan dibantu

LPP pertimbang bantuan khas kepada pesawah ekoran musim panas melanda Malaysia ketika ini

KLUANG

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sedang mempertimbangkan untuk memberi bantuan khas kepada pengusaha tanaman kontan berikutan musim panas dan kering yang sedang melanda negara sekarang ini.

Pengerusi LPP, Datuk Mazlan Aliman berkata, buat masa ini bayaran bantuan khas berkenaan hanya dilaksanakan kepada pesawah terutamanya mereka yang terjejas berikutan kerosakan ke atas hasil pertanian masing-masing.

Katanya, bayaran berkenaan dilakukan melalui tabung bencana milik LPP dan sedikit sebanyak dapat membantu golongan pesawah dalam menghadapi musim panas dengan menyelenggara kawasan pertanian (sawah) mereka.

"Kita akan cuba memperlu-



MAZLAN

askan bantuan ini kepada golongan petani yang lain terutamanya kepada mereka yang menjalankan tanaman kontan di negara ini," katanya kepada pemberita selepas perasmian Kedai Input Pertanian Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Simpang Renggam di sini semalam.

Turut hadir, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPK Simpang Renggam, Md Judyar Malik dan Pengurus Besar PPK Simpang Renggam, Eddlie Ismail.

Menurut Mazlan, kebanyakan petani yang melaksanakan tanaman kontan di negara ini masih menggunakan kaedah lama yang bergantung harap kepada sumber air secara

manual.

Katanya, ia berbeza dengan kaedah tanaman fertigasi di beberapa negara maju yang mana para petani tidak perlu bimbang dengan keadaan cuaca kerana mereka dapat menuai hasil pertanian masing-masing sepanjang tahun.

"Buat masa ini, kerajaan hanya menyalurkan bantuan bencana banjir sahaja kepada pengusaha atau petani tanaman kontan tetapi kini, kita sedang mengkaji dan mencari satu kaedah bantuan kepada mereka apabila tibanya musim kemarau," katanya.

Selain itu, Mazlan berkata, satu skim merangkumi khairat kematian, kemalangan dan insurans dengan kerjasama Agro Bank bakal diperkenalkan bagi menjaga aspek kebajikan ahlinya.

Dengan kewujudan skim terbabit, katanya, ia juga akan memberikan manfaat kepada lebih kurang 920,000 ahli LPP di seluruh negara yang dijangka dilaksanakan pada April depan.

"Dengan adanya skim ini, kita akan dapat mempelbagai manfaat yang dapat diterima oleh ahli LPP, yang mana sebelum ini masing-masing hanya bergantung harap kepada bayaran dividen setiap tahun," katanya.